

12 DEC 1998

ZAHID MULAKAN SIRI PENERANGAN ISU SEMASA

BAGAN DATOH, 12 Dis (Bernama) -- Bekas ketua Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi telah memulakan siri ceramah penerangan isu semasanya dalam usaha untuk memastikan anggota parti bersatu dan memahami tindakan yang diambil oleh kerajaan dari segi ekonomi, sdiial dan agama.

Katanya beliau memulakan ceramahnya itu di Bafgan Datoh diikuti di Kawasan Parlimen Merbok semalam.

"Tindakannya untuk turun ke peringkat akar umbi adalah atas inisiatifnya sendiri dengan kebenaran Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya kepada pemberita selepas merasmikan jalan baru Kampung Sulaiman Bulon dan Kampung Parit Enam Sungai Samun dekat sini hari ini.

Bagaimanapun, katanya, beliau hanya akan memberi ceramah di bahagian-bahagian yang menjemputnya memandangkan beliau kini tidak memegang sebarang jawatan.

Beliau berkata antara bahagian yang telah menjemputnya ialah Kubang Pasu, kawasan Parlimen Dr Mahathir, dan Merbok kawasan parlimen Tun Daim Zainuddin.

Ahmad Zahid berkata antara isu yang ditekankannya ialah kepentingan anggota Umno memperkukuhkan perpaduan dalam menghadapi masalah yang dihadapi bagi memastikan parti-parti pembangkang tidak diberikan peluang mengambil kesempatan dalam kegawatan pada masa ini.

" Anggota Umno perlu bersatu dan halang orang luar daripada masuk campur hal dalaman parti seperti menjaga kandang kambing dari dimasuki harimau dan reban ayam dari dimasuki musang berbulu ayam," katanya.

Beliau berkata lagipun masalah yang dihadapi oleh parti mampu dibaiki dari dalam, dan anggota parti perlu sedar tidak ada gunanya kelambu dibakar kerana marahkan nyamuk dan bantal dibakar kerana marahkan pepijat kerana akhirnya diri sendiri yang tidak mempunyai apa-apa, katanya.

Ahmad Zahid juga berkata anggota Umno perlu juga berhati-hati dengan tindakan kumpulan tertentu menggunakan tokoh-tokoh agama untuk mengelirukan lagi keadaan dengan memutar-belitkan isu-isu semasa untuk tujuan memecah belahkan parti itu.

Menjawab soalan sama ada beliau akan bertanding merebut semula jawatan Ketua Pemudaanya, Ahmad Zahid berkata beliau belum terfikir mengenainya kerana beliau masih lagi didalam pemerhatian Majlis Tertinggi Umno dan kini lebih tertumpu kepada program ceramah penerangannya.

-- BERNAMA.

HK WAT